

Perkhidmatan di hujung jari

Kosmo m/s 33 27/8/07

- **Fasa 1**
Mei - Disember 2007
- **Fasa 2**
Januari - Disember 2008
- **Fasa 3**
Januari 2009 - Disember 2010

SEGALANYA di hujung jari anda. Kira-kira 400 perkhidmatan secara talian boleh digunakan oleh orang ramai dan komuniti perniagaan.

Antara perkhidmatan yang tersedia untuk ahli perniagaan ialah permohonan lesen import (AP) bagi keluli dan gula melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Di samping itu, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) juga menyediakan perkhidmatan untuk pendaftaran syarikat baru, permohonan Geran Pembangunan Perniagaan dan Geran Kesepadanan Perniagaan.

Bagi orang ramai pula, mereka boleh membuat bayaran saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan membayar pinjaman pelajaran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) turut tidak ketinggalan menyediakan perkhidmatan termasuklah membaharui lesen memandu, semakan senarai hitam, KEJARA dan lesen tamat tempoh.

Pada fasa pertama tahun ini, perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah permohonan dan pembaharuan pendaftaran syarikat dan perniagaan bermula serta notis pemberitahuan tamat tempoh lesen memandu melalui sistem khidmat pesanan ringkas (SMS).

Pada masa yang sama, e-PBT turut dilaksanakan di Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Bandar Raya Port Dickson, Negeri Sembilan bermula bulan ini.

Untuk kemudahan pelanggan berurusan dengan pihak berkuasa tempatan terutamanya perunding arkitek atau jurutera, e-Submission akan dilaksanakan di semua PBT di Lembah Klang penghujung tahun ini.



DIANGGARKAN 400 perkhidmatan secara talian boleh digunakan oleh orang ramai dan komuniti perniagaan.

Apabila projek eKL memasuki fasa kedua pada tahun hadapan, perkhidmatan yang akan ditawarkan, antaranya termasuk temu janji doktor secara atas talian atau telefon dan pendaftaran kemasukan pelajar ke sekolah rendah dan menengah.

Selain itu, kerajaan akan memperkenalkan modul e-Masyarakat untuk perkhidmatan bantuan sosial dan kebajikan, permohonan pinjaman dan biasiswa, pangkalan data kebangsaan dan portal eKL yang memuatkan semua maklumat dan perkhidmatan di Lembah Klang.

Bagi fasa terakhir tahun 2009 hingga tahun 2010, aplikasi e-Tanah akan dilaksanakan sepenuhnya di semua pejabat tanah seluruh Lembah Klang selain e-Masyarakat, pusat perkhidmatan bagi pertanyaan dan aduan.

Pada masa itu juga, kerajaan akan mewujudkan Pusat Perkhidmatan Kecemasan Lembah Klang dan Trade Facilitation Portal untuk mempermudah urusan komuniti perdagangan ketikaberurusan dengan agensi kerajaan.

Info

Perkhidmatan dalam talian untuk pemandu kenderaan:

- Jabatan Pengangkutan Jalan
- Semakan senarai hitam
- Semakan SPIM-QTI
- Semakan Ujian Bahagian Satu
- Semakan Mata KEJARA
- Nombor kenderaan terkini
- Semakan tarikh luput lesen memandu
- Pembaharuan lesen CDL Online
- Aduan kesalahan pemandu dan kenderaan
- Aduan perkhidmatan

Polis Diraja Malaysia

- Pertanyaan dan bayaran saman

Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur

- Lesen tempat letak kereta persendirian
- Semakan kompaun

Perbadanan Putrajaya

- Semakan kompaun

Majlis Bandar Raya Petaling Jaya

- Semakan kompaun

Majlis Perbandaran Klang

- Kompaun letak kereta

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

- Semakan kompaun

Majlis Bandar Raya Shah Alam


- Semakan kompaun

Majlis Perbandaran Subang Jaya

- Permohonan pelekat kereta
- Permohonan sewa tempat letak kereta bermusim
- Permohonan sewa tempat letak kereta sementara
- Permohonan pelekat kereta bagi tempat kediaman
- Permohonan pelekat kereta pegawai dan kakitangan majlis

Lembaga Lebu Raya Malaysia

- Kadar tol lebu raya



JALINAN elektronik eKL dijangka memberi manfaat kepada pengguna sekitar Lembah Klang menjelang tahun 2010.